

30/12/1998

Admiral Marina diyakini jadi tarikan

M Noh Senan

ADMIRAL Marina Bhd yakin kompleks percutian yang dibina di kawasan seluas kira-kira 40 hektar di Port Dickson akan menjadi destinasi pelancongan popular antarabangsa, pusat pameran marin dan sukan air berprestij peringkat dunia di rantau ini.

Menurut Pengerusinya, Mukhriz Mahathir, dengan kemudahan bersepadu dan pelbagai yang disediakan seperti marina dan kelab, pusat itu juga boleh menjadi tarikan kepada konvensyen popular dunia beberapa tahun terdekat ini.

Selain marina dan kelab, keseluruhan kompleks berharga RM180 juta, termasuk pembinaan kondominium dan banglo yang didirikan di atas tapak khas dalam air.

Mukhriz melakukan pembukaan awal Admiral Marina & Leisure Club (AMLC) yang turut dihadiri pengarah Amiral Cove Development Sdn Bhd, Datuk Gan Eng Kwong, Datin Irene Gan, Tan Sin Chong serta Pengurus Besar (Operasi Resort), Philip D Theseira.

Beliau berkata, pihaknya menghargai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kerana memberi sokongan malah turut memberi kurniaan berprestij terhadap AMLC sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

"Berikutan itu, kami lebih komited dengan memainkan peranan aktif untuk mempromosikan pelancongan dan memastikan AMLC menjadi destinasi pelancongan marin yang sentiasa diidamkan oleh golongan terbabit di rantau ini."

"Kegiatan marin dan rekreasi air menjadi popular di negara ini berbanding dengan anggapan selama ini bahawa sukan elit itu untuk golongan kaya."

"Sebenarnya semua golongan boleh menyertainya kerana ia merangkumi pelbagai kegiatan daripada berkayak, berskuter air, belayar dan juga memancing," katanya.

Oleh itu, menurutnya, kemudahan yang disediakan AMLC adalah sebahagian daripada gaya hidup dan syarikat menetapkan yuran keahlian bermula dengan kadar berkemampuan RM14,000.

Mukhriz berkata, AMLC dibina untuk kepentingan negara bagi sumbangan terhadap pelancongan di negara ini, terutama dalam bidang pelancongan marin, sukan dan rekreasi.

Selain itu, ia boleh menjadi tempat untuk mengadakan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran atau MICE.

Menurutnya, oleh itu kewujudannya itu akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pelancongan domestik dan antarabangsa.

Beliau berkata, AMLC menerima kedatangan pelanggan pertama apabila kementerian berkenaan mengadakan persidangan Majlis Pelancongan Kebangsaan baru-baru ini.

"AMLC sudah menyenaraikan acara besar peringkat antarabangsa untuk dianjurkannya tahun depan, iaitu Pameran Bot Antarabangsa; Concourse de Elegance (Pameran Kereta Vintage); sebahagian daripada sirkit Perlumbaan Perahu Layar Dunia BT World Challenge; Grand Prix Power Jet Ski; dan International Wind Surfing Regatta," katanya.

(END)